

KEPENTINGAN MEMPELAJARI KURSUS KOD TANGAN BAHASA MELAYU DAN KOD TANGAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN SISWA GURU

THE IMPORTANCE OF LEARNING MANUAL CODES IN MALAY LANGUAGE AND ENGLISH AMONG TEACHER TRAINEES

Anita Sapura Shaari
 Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
 anita@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kepentingan mempelajari Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) dalam kalangan siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) kerana dapat memberikan maklumat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa isyarat. Seramai tiga orang siswa guru PISMP yang terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang perempuan yang terlibat dalam temu bual untuk kajian ini. Mereka merupakan siswa guru PISMP, semester empat,ambilan Jun 2017. Data dianalisis secara kualitatif dalam kajian kes. Kajian ini berfokus kepada satu objektif iaitu persepsi siswa guru PISMP terhadap kepentingan mempelajari KTBM dan KTBI serta cadangan untuk meningkatkan kefahaman siswa guru terhadap mempelajari bahasa isyarat di IPGKIK. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga kepentingan mempelajari KTBM dan KTBI iaitu siswa guru dapat membanding beza antara KTBM dan KTBI, menghasilkan bahan pengajaran berasaskan KTBM dan KTBI dan meningkatkan kemahiran interpersonal dalam komunikasi dua hala dalam kehidupan seharian mereka. Seterusnya, terdapat enam cadangan untuk meningkatkan kefahaman mempelajari KTBM dan KTBI.

Kata kunci: KTBM, KTBI dan kepentingan mempelajari KTBM dan KTBI

ABSTRACT

This research aims to explore the importance of learning the Malay Language Code and English Language Code courses among students of Bachelor of Education (PISMP) degree programs at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus (IPGKIK). This study is important to the Institute of Teacher Education Ilmu Khas (IPGKIK) as it provides information to improve the quality of teaching and learning (PdP) sign language. A total of three PISMP teacher students consisted of one male and two females who were involved in the interview for this study. They are students of PISMP teachers, semester four, June 2017 intake. This study adopts a case study approach and data were qualitatively analysed. This study focuses on one of the objectives of PISMP teachers' perceptions of the importance of learning at the KTBM and KTBI as well as suggestions to improve students' understanding of learning sign language at IPGKIK. The findings of the study revealed that there are three important aspects of learning about KTBM and KTBI, namely that teachers can compare the difference between KTBM and KTBI, produce teaching materials based on KTBM and KTBI and enhance interpersonal skills in bilateral communication in their daily lives. In addition, six suggestions are recommended to improve the understanding of KTBM and KTBI.

Keywords: KTBM, KTBI and the importance of studying KTBM and KTBI

Pengenalan

Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) bagi kod kursus PKDK 3083 merupakan kursus wajib dipelajari oleh semua siswa guru (SG) Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP), semester empat, ambilan Jun 2017 di Unit Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kursus ini dikendalikan selama tiga jam dalam satu minggu atau berjumlah 45 jam yang bersamaan tiga kredit. Kursus ini meliputi pengetahuan tentang bahasa isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI). Perbincangan berfokuskan kepada asal-usul KTBM, prinsip-prinsip KTBM, aspek penggolongan kata, kata nama am, manusia dan persekitaran, dan alam serta persekitarannya. Manakala KTBI pula memfokuskan kepada *Introduction About Signed English*, *English Grammar* dan *Using KTBI in Teaching English*. Aspek yang dititikberatkan ialah kemahiran menggunakan KTBM dan KTBI secara ekspresif dan reseptif.

Antara hasil pembelajaran kursus PKDK3083 ini, menjelaskan konsep dan prinsip-prinsip pembinaan KTBM dan KTBI berasaskan rujukan yang relevan dan terkini, mendemonstrasikan kemahiran menggunakan KTBM dan KTBI secara ekspresif dan reseptif secara individu dan berkumpulan, menganalisis hubungan kait penciptaan KTBM dengan ciri-ciri sebenar alam dan persekitarannya berdasarkan bentuk isyarat tangan, membanding-beza antara KTBM dan KTBI dari segi maksud, kod isyarat dan penggunaannya serta menghasilkan bahan pengajaran berasaskan KTBM dan KTBI untuk pembelajaran murid pendengaran berasaskan standard kurikulum.

Pernyataan Masalah

Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) diajar untuk memastikan bakal SG mendapat ilmu pengetahuan yang berkaitan penggunaan bahasa isyarat. Diharapkan, agar mereka dapat memahami dan mengaplikasi KTBM dan KTBI secara ekspresif dan reseptif dengan penuh yakin ketika berkomunikasi dengan golongan orang kurang upaya (OKU) pendengaran. Kursus ini diajarkan oleh pensyarah daripada Unit Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Pencapaian SG dalam kursus ini ditentukan menerusi dua bentuk pentaksiran iaitu menerusi peperiksaan akhir (40%) dan kerja kursus (60%). Kerja kursus dilaksanakan sepanjang kursus manakala peperiksaan dijalankan pada akhir semester. Berdasarkan pengalaman pengkaji semasa mengajar kursus ini, didapati beberapa orang SG, PISMP, semester empat, ambilan Jun 2017 masih kurang menguasai KTBM dan KTBI. Oleh yang demikian, pengkaji bertanggungjawab untuk menjalankan kajian untuk mendapatkan persepsi SG terhadap kepentingan mempelajari KTBM dan KTBI dan mencadangkan beberapa cadangan untuk meningkatkan kefahaman SG terhadap bahasa isyarat.

Hal ini amat bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Yusof dan Che Rabiaah (2016) yang menyatakan, biarpun KTBM adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk golongan bermasalah pendengaran di sekolah, terdapat juga guru-guru berisyarat KTBM dengan cara salah. Hal ini berlaku kerana guru-guru tidak berpegang kepada buku panduan KTBM yang dibekalkan kepada sekolah yang di dalamnya dimuatkan bukan sahaja kod-kod tetapi prinsip-prinsip penggunaannya.

Seterusnya, kajian ini mendapati bahasa isyarat KTBM mempunyai kod perbendaharaan kata yang terhad dan boleh menjadikan bahasa penggunaannya turut terhad. Ketidacukupan kod merujuk kepada situasi yang mana kod tidak ada bagi merujuk kata dalam Bahasa Melayu terutamanya berkaitan dengan ilmu atau istilah-istilah tertentu. Jika dilihat daripada jumlah entri kata dalam Bahasa Melayu yang sekitar 32 ribu kata dasar, kod yang dibukukan dianggar sekitar 15% daripadanya. Hal ini menyukarkan guru dan murid dalam memahami kurikulum persekolahan.````

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kepentingan mempelajari Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) bagi kod kursus (PKDK3083) dalam kalangan siswa guru (SG) di Unit Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

Soalan kajian

Apakah kepentingan mempelajari Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) bagi kod kursus PKDK3083 dalam kalangan siswa guru (SG) di Unit Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bercirikan kajian kes. Lokasi kajian di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Sampel kajian melibatkan tiga orang SG iaitu seorang SG lelaki dan dua orang SG perempuan. Mereka merupakan SG PISMP, semester 4, ambilan Jun 2017 yang terlibat secara langsung dalam proses PdP untuk Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) bagi kod kursus PKDK3083. Kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kepentingan mempelajari Kursus Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Kod Tangan Bahasa Inggeris (KTBI) bagi kod kursus (PKDK3083) dalam kalangan siswa guru (SG) di Unit Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas telah dilaksanakan selama tiga bulan iaitu dari bulan Januari hingga Mac 2019.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan secara satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Kepentingan mempelajari Kursus KTBM dan KTBI (PKDK3063) di IPGKIK

Terdapat tiga kepentingan mempelajari Kursus KTBM dan KTBI (PKDK3063) di IPGKIK. Kepentingan pertama ialah SG dapat membanding beza antara KTBM dan KTBI. Hal ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 1 yang menyatakan, “ ... contohnya KTBI ada kod ‘sign markers’, ‘contractions’ dan ‘compounds’ tapi dalam KTBM semua tu takde. Bila tak de kod dalam BM, bolehle saya gunakan sign inggeris sebab kod inggeris lebih banyak dari kod bm. ” (SK1)

Seterusnya, kepentingan kedua mempelajari Kursus KTBM dan KTBI (PKDK3063) di IPGKIK. Kepentingan kedua ialah SG dapat menghasilkan bahan pengajaran berasaskan bahasa isyarat. Berdasarkan kata subjek kajian 2, “ Dalam kerja kursus, saya sediakan aktiviti nyanyian dengan gerakan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sediakan kad lirik lagu berserta kod isyarat. Bukan itu je..lagu tu saya nyanyikan sendiri dengan guna bahasa isyarat sekali...kemudian saya mencadangkan murid membuat persembahan secara individu atau kumpulan.. yang menariknya juga, saya rakam video persembahan saya tu untuk tontonan sebagai perkongsian dengan orang lain. Nanti ..bila pergi praktikum, senangle saya nak buat BBB seperti tu... ” (SK2)

Kepentingan ketiga mempelajari Kursus KTBM dan KTBI (PKDK3063) di IPGKIK. Kepentingan ketiga ialah SG dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dalam komunikasi dua hala dalam kehidupan seharian mereka. Kepentingan ini dapat difahami berdasarkan kata-kata subjek 3, “ ... sebenarnya bila saya belajar bahasa isyarat dapat meningkatkan kemahiran interpersonal saya

dalam komunikasi dua hala saya antara rakan-rakan, pensyarah di IPGKIK dan masa saya pergi PBS dulu dan juga persediaan saya dan kawan-kawan lain untuk keluar praktikum pada semester lima dan tujuh nanti. Lagi pun... kadang-kadang saya digalakkan oleh pensyarah untuk jadi juru bahasa isyarat dalam perhimpunan IPGKIK ni dan luar IPG.” (SK3)

Perbincangan Dapatan Kajian

Siswa guru PISMP, Semester 4, Ambilan Jun 2017 menyedari kepentingan mempelajari KTBM dan KTBI. Setelah mereka mengikuti kursus tersebut, siswa guru dapat mengetahui perbezaan dan persamaan antara KTBM dan KTBI. KTBM dan KTBI merupakan kod isyarat yang tidak menggunakan pola bunyi sebaliknya menggunakan pola isyarat dihantar (komunikasi manual, bahasa badan) untuk memberi makna serentak dengan gabungan tangan, orientasi dan pergerakan tangan, lengan, atau badan dan raut muka untuk menggambarkan dengan licin pemikiran penutur (Groce, 1988). Contoh perkataan yang mempunyai kod isyarat yang sama antara KTBM dan KTBI ialah ‘untuk’, ‘dengan’, ‘dan’ serta ‘sama’ dan lain-lain lagi. Selain itu, terdapat juga perbezaan kod antara KTBM dan KTBI, contoh kod isyarat ‘guru’ dalam KTBM tidak perlu mengaitkan kod isyarat ‘ajar’ namun KTBI ada *sign marker* yang ditetapkan iaitu guna isyarat ‘teacher’, menggabungkan kod isyarat *teach* dan ditambah *sign marker – er* maka ia membawa maksud *teacher* (Penilla II, Adan R. (2016)). Dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Inklusif (PPKI), KTBM relevan digunakan untuk pengajaran Bahasa Malaysia sementara KTBI pula relevan digunakan untuk pengajaran Bahasa Inggeris serta digunakan juga dalam mata pelajaran lain seperti Sejarah, Sains, Matematik dan dalam mata pelajaran lain di sekolah rendah dan menengah.

Setelah mengikuti kursus itu juga siswa guru dapat menghasilkan bahan pengajaran berasaskan kod bahasa isyarat sama ada KTBM atau KTBI. Contoh, bahan pengajaran tersebut memfokuskan kepada visual kerana ada murid yang berada pada tahap kehilangan pendengaran yang teruk iaitu 71 – 90dB dan tahap kehilangan yang sangat teruk iaitu melebihi 91dB. Murid yang berada dalam dua kategori ini mempunyai masalah besar untuk mendengar bunyi pertuturan dan bantuan visual lain yang diperlukan ialah membaca gerak bibir penutur dan menggunakan bahasa isyarat. Mereka perlu menggunakan bantuan visual bagi memudahkan komunikasi (Katz et al.2009). Menurut La Lopa (2013) dalam menjelaskan teori gaya pembelajaran menyatakan bahawa pelajar belajar dengan cara yang unik, biasanya dalam mod auditori, visual dan kinestetik.

Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012 merancang strategi menyediakan perkhidmatan sokongan dan peralatan *augmentative* dan *assistive* (ACC) bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Oleh itu, SG boleh memenuhi kehendak KPM apabila menjalani praktikum dan semasa menjawat jawatan guru terlatih nanti dengan mencipta dan menginovasi bahan mengajar yang boleh diakses oleh murid ketidakupayaan pendengaran seperti buku bergambar, menyediakan klip atau tayangan video yang disertakan dengan kod isyarat sehingga kepada sistem berkomputer. Satu sistem AAC bermaksud gabungan keseluruhan kaedah yang digunakan untuk komunikasi, sebagai contoh, gerak isyarat, mata menunjuk, *vocalizations* dan menunjuk simbol (Beck, 2002; Behrmann, 1998; Beukelman & Mirenda, 1999).

Pengajaran menggunakan klip video yang bersertakan bahasa isyarat boleh dianggap sebagai indikator bagi meningkatkan kualiti pembelajaran murid ketidakupayaan pendengaran. Kajian ini telah mencadangkan beberapa panduan kepada guru dalam pelaksanaan pengajaran seperti yang tercatat dalam Jadual 1.

Jadual 1

Panduan Menggunakan Klip Video Berserta Bahasa Isyarat Dalam Pengajaran KTBM atau KTBI

Perkara	Langkah-Langkah Menggunakan Klip Video Berserta Bahasa Isyarat Dalam Pengajaran KTBM atau KTBI	Kesan Menggunakan Klip Video Berserta Bahasa Isyarat Dalam Pengajaran KTBM atau KTBI
Penggunaan Klip Video Berserta Bahasa Isyarat	<ul style="list-style-type: none"> • Murid ditayangkan klip video berserta bahasa isyarat dan suara (bagi murid yang mempunyai tahap kehilangan ringan (20 – 45 dB) Katz et al., (2009). • Tayangan klip video bagi cerita atau pelbagaikan aktiviti pengajaran yang sukar difahami oleh murid. • Mengedarkan teks cerita atau sebagainya seperti yang dirancangan oleh guru. • Guru menceritakan semula atau murid menceritakan apa yang ditonton melalui tayangan klip video. • Melakonkan semula, menceritakan semula atau mensimulasikan apa yang ditonton. • Membincangkan dan bersoal jawab mengenai apa yang telah dilakonan, diceritakan atau disimulasikan oleh murid. <p>Catatan: Sesuai dilaksanakan dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Indikator yang baik bagi mencapai hasil pembelajaran. • Suka menonton klip video. • Memberi tumpuan terhadap apa yang ditonton. • Mampu cepat mengingat dengan apa yang ditonton. • Boleh diulang tayang bagi murid yang cepat lupa dan sukar mengingat. • Tidak bosan. • Tidak mengantuk. • Melibatkan diri secara individu atau berkumpulan sekiranya melakonan semula, menceritakan semula, atau mensimulasikan apa yang ditonton.

SG juga menyatakan bahawa SG bercadang menyediakan lirik lagu berserta isyarat, menyanyikan lagu secara berisyarat ketika menjalani praktikum fasa 1 dan 2 dan ketika menjadi guru terlatih nanti agar berjaya mewujudkan pengajaran yang berkesan. Muhammad Hanif Ab Latiff dan Samsiah Hassan (2013) menyatakan bahawa nyanyian lagu dapat membantu murid dalam meningkatkan kefahaman kepada sesuatu konsep. Selain itu, murid disediakan dengan kad lirik lagu dan diajarkan guru cara menyanyi secara kumpulan dan individu (Nur Hazirah Razali, 2015). Penggunaan lagu membantu murid mudah menghafal, meningkatkan kefahaman dan melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran (Hanif Ab Latiff & Samsiah Hassan (2013).

Persembahan nyanyian yang menggunakan bahasa isyarat boleh dianggap sebagai indikator bagi meningkatkan kualiti pembelajaran murid ketidakupayaan pendengaran. Kajian ini telah mencadangkan beberapa panduan kepada guru dalam pelaksanaan pengajaran seperti yang tercatat dalam Jadual 2.

Jadual 2

Panduan Menggunakan Nyanyian yang Menggunakan Bahasa Isyarat dalam Pengajaran KTBM dan KTBI

Perkara	Langkah-Langkah Menggunakan Nyanyian dalam Pengajaran KTBM atau KTBI	Kesan Menggunakan Nyanyian dalam Pengajaran KTBM atau KTBI
Nyanyian yang menggunakan bahasa isyarat	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton persembahan guru dan mendengar nyanyian guru (bagi murid yang mempunyai tahap kehilangan ringan (20 – 45 dB) Katz et al., (2009). • Menyanyi sambil berisyarat atau menyanyi kuat (bagi murid yang mempunyai tahap kehilangan ringan (20 – 45 dB) Katz et al., (2009) bersama-sama guru. • Mempamerkan lirik lagu di papan putih atau tayangan menggunakan LCD. • Guru akan kaitkan kandungan lagu dengan tajuk pengajaran. <p>Catatan: Sesuai dilaksanakan dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Indikator yang baik bagi mencapai hasil pembelajaran. • Suka menyanyi menggunakan bahasa isyarat. • Memberi tumpuan kepada nyanyian guru serta menghayati lirik lagu yang dipaparkan. • Mampu mengisyarat lagu atau menyanyikannya dengan baik. • Cepat mengingat. • Tidak bosan. • Tidak mengantuk. • Melibatkan diri secara individu atau berkumpulan.

Seterusnya, SG dapat mengaplikasi bahasa isyarat SG untuk meningkatkan kemahiran interpersonal dalam komunikasi dua hala dalam kehidupan seharian mereka di IPGKIK dan di luar IPGKIK. Kemahiran interpersonal guru juga membabitkan gaya interpersonal, kepakaran, pengalaman mengajar, kualiti prngajaran dan proses interaksi dua hala (Clinkenbeard, 2012). Mohamad Johdi (2009) menyatakan melalui kemahiran interpersonal juga guru-guru dapat menggunakan komunikasi *body language* dengan isyarat tangan, kepala dan memberi tepukan kepada kebolehan murid. Komunikasi ini dapat membantu guru-guru berkomunikasi dengan murid-murid yang lemah dalam literasi Bahasa Melayu dan pada masa yang sama dapat mengawal pergerakan murid di dalam kelas. Hasil kajian lapangan oleh Mohamad Johdi (2009) ini telah dijalankan ketika beliau membantu guru-guru Bahasa Melayu mendekati murid Orang Asli. Namun, kemahiran interpersonal yang dipraktikkan oleh guru-guru Bahasa Melayu tersebut boleh digunapakai oleh SG dan guru-guru ketidakupayaan pendengaran terhadap murid mereka yang tidak mampu berkomunikasi atau menghadapi masalah pertuturan.

Cadangan untuk Meningkatkan Kefahaman Siswa Guru terhadap KTBM dan KTBI (Bahasa Isyarat)

Sehubungan dengan itu, pelbagai cadangan ingin dikemukakan untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap KTBM dan KTBI. Antaranya, memperkenalkan Kursus PKDK3083 ini lebih awal semasa siswa guru di semester satu. Rasionalnya agar mereka dapat memahami dan menguasai kedua-dua kod kerana kedua-dua kod isyarat tersebut mempunyai bilangan yang banyak. Cadangan kedua, sentiasa mengaplikasi bahasa isyarat ketika berkomunikasi antara siswa guru dengan rakan-rakannya dan para pensyarah serta masyarakat orang kurang upaya (OKU) pendengaran atau masyarakat lain yang memerlukan penggunaan bahasa isyarat ini. Oleh itu, Unit Masalah Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dicadangkan menganjurkan minggu atau bulan menggunakan bahasa isyarat. Cadangan ketiga ialah sentiasa mengaplikasi bahasa isyarat ketika berkomunikasi antara siswa guru dengan para pensyarah.

Cadangan tersebut boleh diambil kira dengan mempraktikkan kepada para pensyarah lain yang tidak mengajar mereka juga.

Cadangan keempat pula ialah memberi peluang kepada siswa guru menjadi juru bahasa isyarat sama ada di peringkat IPGKIK atau di luar IPGKIK. Peluang tersebut perlu diperbanyakkan lagi pada masa akan datang. Mereka juga digalakkan untuk mengikuti kursus atau bengkel bahasa isyarat dengan lebih giat lagi sama ada di peringkat IPGKIK atau di luar IPGKIK. Cadangan kelima ialah menambah kod isyarat dalam buku bahasa isyarat sedia ada yang merangkumi semua perkataan. Tambahan kod isyarat tersebut dicadangkan agar sama dengan perkataan yang terdapat dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Cadangan keenam ialah mengadakan penilaian yang berterusan menggunakan KTBM dan KTBI secara ekspresif dan reseptif. Oleh itu, para pensyarah yang mengajar kursus ini dicadangkan agar terus mengekalkan penilaian ini dari semasa ke semasa.

Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian ini terdapat beberapa implikasi yang sepatutnya diberikan perhatian iaitu;

- i. Tahap kefahaman SG terhadap bahasa isyarat banyak bergantung kepada sikap SG itu sendiri. Oleh itu, SG perlulah berusaha bersungguh-sungguh untuk mempeajari bahasa isyarat.
- ii. Para pensyarah pendengaran hendaklah mahir menggunakan bahasa isyarat untuk meningkatkan kefahaman SG mempelajari Kursus KTBM dan KTBI (PKDK3083).
- iii. Para pensyarah diberi kursus pendedahan untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang terkini seperti menyediakan perisian seperti e – bahasa isyarat.

Rumusan

Rumusan keseluruhan, kajian ini mendapati siswa guru PISMP, semester 4, ambilan Jun 2017 yang mempelajari Kursus KTBM dan KTBI, bagi kod PKDK3083 bersungguh-sungguh mempelajarinya. Oleh itu, pengkaji mengharapkan mereka akan mengamalkan ilmu yang diperoleh sepanjang hayat mereka sama ada ketika masih belajar di IPGKIK dan semasa menjawat guru terlatih di sekolah nanti. Seiring dengan itu juga, para pensyarah Unit Masalah Pendengaran, Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas diharapkan akan meneruskan tanggungjawab mereka melahirkan bakal guru pendidikan khas pendengaran yang berkualiti dan komited terhadap tugas mereka.

Rujukan

- Abdullah Yusof dan Che Rabiaah Mohamd. (2018). *Memahami kecacatan bahasa dan komunikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Behrmann, M., (1998). Assitive Technology for Young Children in Special Education:It Makes a Difference. www.edutopia.org.
- Clinkenbeard, P.R. (2012). Motivation and Gifted tudent:*Implications of Theory and Research. Psychology in the Schools* 49 (7).
- Katz, J., Medwetsky, L., Burkard, R. & Wood, L., (2009). *Handbook of Clinical Audiology*. Philladelphia: Lippincott Williams & Wilkins.

- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- La Lopa, J.M. (2013). The Difference Between Bigfoot and Learning Styles: There May Be Better Evidence to Support the Existence of Bigfoot. *Journal of Culinary Science & Technology*, 11(4), 356-376.
- Mohamed Noh, N.Ahmad Mustafa, H.M.,Hamzah, M.,Ismail, M.A & Abdullah,N. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi dalam Pengajaran : Cabaran Guru dalam E-Pembelajaran. *Proceedings of The 7th International Malaysian Educational Technology Convention (IMETC 2013)*.
- Muhammad Hanif Ab Latiff & Samsiah Hassan (2013). Penerapan Elemen Muzik dan Nyanyian dalam Konsep Penambahan Pecahan Nombor Bercampur dengan Penyebut Berbeza. *Jurnal Kajian Tindakan: Selangor*. 1(2):8-10.
- Nur Hazirah Razali. (2015). *Aplikasi kaedah 'NyaPet' membantu meningkatkan penguasaan hukum tajwid Izhar Halqi dalam kalangan murid tahun 5*. (Laporan Penyelidikan Tindakan yang tidak diterbitkan). Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- Penilla II, Adan R. (2016). *American Sign Language for Dummies (3rd ed.)*. New York, United States.